


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 52 RABU 26HB. DISEMBER, 1973. 1393 ذوالحججه 2 رابو PERCHUMA



K'JAAN MENYERTAI SAHAM 25% DLM SHARIKAT MINYAK SHELL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bertitah bahawa Kerajaan Baginda telah mengambil keputusan untuk menyertai sebagai pemodal Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Baginda bertitah, sa-telah mengkaji dengan teliti tawaran yang jujur dari Sharikat Minyak Shell, Kerajaan Beta telah mengambil keputusan pada dasar-nya menjadi pemegang saham sa-jumlah 25 peratus dari jumlah besar saham sharikat tersebut.

Duli Yang Maha Mulia bertitah, langkah ini di-ambil ada-lah untuk meluas dan memperkukuhkan serta menambahkan sumber2 hasil mahsul negara untuk menjaga kebajikan dan kema'moran rayat negeri ini.

Di-samping itu, titah Baginda, Kerajaan juga akan terus berusaha menchari jalan pada mengukuhkan lagi dan me-

nambahkan sumber2 pendapatan negara.

Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian ketika merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Meshuarat Negeri (Belanjawan) yang berlangsung

(Lihat muka 10)

BRUNEI MEMPUNYAI MASA DEPAN YG CERAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail mengharapkan betapa penting-nya raayat dan penduduk Brunei mempunyai semangat dan amalan ta'at setia, rajin berusaha pada menghadapi suasana pembangunan Negara yang cerah dan gemilang.

Demikian sabda Yang Amat Mulia dalam sidang Majlis Meshuarat Negeri ketika membentangkan usol bagi menyembahkan ucapan

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei; T.Y.T. Pemangku Pesuruhjaya Tinggi D.Y.M.M. Baginda Queen di-Brunei; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pg. Muda Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir2 bergambar ramai bersama2 dengan ahli2 Majlis Meshuarat Negeri sa-telah selesai upacara pembukaan rasmi Persidangan Majlis Meshuarat Negeri (Belanjawan) yang telah berlangsung pada hari Khamis lalu.

sa-tinggi2 terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-atas keberangkatan Baginda ka-Majlis dan di-atas titah Baginda dari Singgahsana di-junjong de-

ngan sepenoh2-nya.

Yang Amat Mulia itu bersabda, raayat dan penduduk di-seluruh negeri harus-lah berasa shukor kerana dalam titah Baginda yang di-lafadz-

(Lihat muka 6)

Beberapa usol di-luluskan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Meshuarat Pertama Belanjawan dari Musim Permeshuaratan ka-sebelas Majlis Meshuarat Negeri telah bersidang sa-lama dua hari mulai 20hb. Disember di-bilek persidangan Dewan Majlis di-Bandar Seri

Begawan telah meluluskan beberapa perkara penting.

Di-antara perkara2 yang di-luluskan termasuklah satu usol menyembahkan ucapan sa-tinggi2 terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Padu-

(Lihat muka 10)

Pegawai Kewangan Negara bantangkan kemajuan2 negara bagi tahun 1974

SAYA berdiri untuk menhadang-kan bacaan yang kedua Rang Undang2 dalam nama saya yang di-gelarkan "Satu Undang2 untuk memohon sa-jumlah wang dari kumpulan wang yang di-satukan untuk Perkhidmatan Tahun 1974 dan untuk memperuntukkan jumlah yang tersebut untuk maksud tertentu". Dalam melaksanakan hal ini saya ingin mengambil peluang ini untuk memberitahu ahli2 Yang Berhormat mengenai dengan perkara yang mempunyai kesan terhadap kewangan Brunei semenjak saya berucap di-majlis ini pada masa yang lepas juga mengenai kedudukan kewangan masa ini dan kedudukan yang mungkin terjadi dalam tahun 1974.

Sa-panjang tahun 1973 ada terdapat b a n y a k krisis kewangan yang timbul dari kekurangan sistem kewangan antara bangsa. Brunei ada-lah sa-chara langsung terlibat oleh nilai pound sterling di-bandingkan dengan matawang2 yang lain kerana walau pun parti ringgit Brunei di-segi nilai emas dan ekonomi Brunei dan kedudukan perdagangan tidak mengendaki sebarang pertukaran dalam parti itu, simpanan Brunei dan sokongan mata wang Brunei ada-lah dalam sterling. Turun dan naik dalam kadar pertukaran yang berlaku dan maseh lagi berlaku ada-lah di-chermin-kan dalam nilai simpanan Brunei. Dalam analisa yang akhir, ada-lah kuasa pembelian sa-barang matawang yang mustahak, jadi-nya kita menghadapi nilai kertas simpanan yang berkurangan dan juga kurang-nya nilai yang sa-benar barang2 dan perkhidmatan yang boleh di-beri dengan jumlah wang yang tertentu. Nilai simpanan Brunei yang jatuh ada-lah sa-hingga had yang tertentu di-pulehkan oleh pengatiran di-mana pegangan sterling ada-lah di-jamin oleh kerajaan United Kingdom dalam nilai ringgit Amerika, tetapi ini tidak-lah semua-nya berkesan oleh sebab turun nilai ringgit Amerika juga, Pengatiran jaminan ada-lah akan di-tamatkan pada 24hb. September, 1973 tetapi telah di-panjangkan oleh Kerajaan British sa-lama enam bulan lagi. Dalam masa ini ada-lah di-harapkan yang jaminan selanjutnya akan sama2 di-persetujui walaupun bentuknya belum lagi ditentukan.

Pada masa ini tahun lepas, ada-lah di-sanggakan bahawa masa-alah yang di-hadapi oleh Brunei mengenai dengan nilai simpanan, satu masa-alah yang di-hadapi oleh semua negeri2 yang mempunyai pegangan dalam dua matawang simpanan. Sterling dan ringgit Amerika akan dapat di-selesaikan dalam masa persidangan dalam bulan April 1973 di-antara ahli2 kumpulan kewangan antara bangsa. Dalam hal itu, walaupun pada umum-nya di-akuai mengenai dengan kehendak2 untuk mengadakan satu sistem yang mengandungi pariti yang tetap dan boleh di-betulkan, dengan kadar yang dipotongkan sa-bagai satu chara untuk di-gunakan dalam hal yang tertentu. Usaha bersama antara bangsa yang erat dan kemahuan dan pandangan politik yang mustahak dalam menyelenggarakan dan mengusahakan sistem sa-umpama itu belum lagi ada, masa-alah ini berpanjangan.

Pengatiran di-mana matawang Brunei di-sifatkan sa-bagai wang biasa dan saling pertukaran dengan tara yang sama dengan mata-

UCHAPAN penoh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khaznah Negara Laila Diraja, Dato Seri Utama Awang John Lee ketika membetangkan Rang Undang2 Perbekalan Negara bagi tahun 1974 dalam Persidangan Majlis Meshuarat Negeri (Belanjawan).

wang Malaysia dan Singapura terpaksa di-kaji semula berikutan dengan berakhirnya perjanjian di-antara Malaysia dan Singapura. Ada-lah berfaedah untuk matawang Brunei mempunyai saling pertukaran dengan matawang tiap2 satu dari kedua2 negeri apabila matawang mereka tidak mempunyai saling pertukaran lagi. Akibatnya, pengatiran dengan Malaysia di-tamatkan. Pariti atau tara bagi ketiga2 matawang itu maseh belum berubah dan dengan nilai sekarang di-tetek beratkan kepada minyak, kekuatan ringgit Brunei ada-lah tidak kurang. Matawang Brunei dalam peredaran pada masa ini ia-lah lebih kurang S46 juta.

Walaupun 1973 ada-lah pada umum-nya di-sifatkan mempunyai pergerakan ekonomi yang tinggi di-seluruh Brunei, satu daripada masa-alah yang berat ia-lah kadar inflasi yang tinggi di-negeri2 perusahaan dan ini membiak ka-negeri2 yang lain. Di-Brunei, Kerajaan telah berusaha untuk mengurangkan kesan-nya kepada orang ramai sa-dapat mungkin dengan chara mengawal kemungkinan inflasi dalam negeri, tetapi inflasi di-negeri2 yang barang2nya terpaksa di-masokkan ka-Brunei, seperti juga perkhidmatan2nya tentu-nya mempunyai kesan dan

harga memasokkan yang bertambah ada-lah di-cherminkan pada harga yang meningkat tinggi. Kerajaan ada-lah sedar mengenai dengan masa-alah ini dan berusaha untuk menentukan agar beban orang ramai yang timbul daripada apa yang berlaku di-luar negeri akan di-hapuskan dengan seberapa daya.

Satu lagi masa-alah serious yang di-hadapi dunia pada masa ini ia-

SEKITAR LAPORAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI (BELANJAWAN)

lah masa-alah krisis tenaga kuasa yang berbangkit dari peperangan di-antara Mesir dengan Israel dan mengakibatkan pemotongan perbekalan minyak oleh negara2 pengedar minyak Arab. Ini mengakibatkan keburokan bagi semua negara yang bergantung di-atas

Sebab2 mengapa tidak ada Imam di-mesjid Kuala Balai

PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin menegaskan bahawa Kerajaan belum berchadang untuk melantik Imam tetap bagi mesjid di-Kuala Balai sekarang.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan yang dibuat oleh wakil dari Ulu Belait Y.B. Awang Ariff bin Mujun.

Yang Berhormat itu berkata, ada-lah di-sedari bahawa mesjid Kuala Balai tidak mempunyai Imam tetap bahkan tugas2 Imam di-jalankan oleh Guru Ugama yang mengajar di-Sekolah Melayu Kuala Balai.

Pada tahun 1967 usaha2 untuk mengadakan Imam tetap telah dibuat dan tiga orang calon telah di-pereksa tetapi dukachita tidak sa-orang pun dari calon itu yang berjaya untuk melayakkan diri mereka di-lantek ka-jawatan tersebut.

Untuk penerangan selanjutnya, pada bulan Julai 1971 Kadhi Daerah Belait telah menghubungi Jawatankuasa Mesjid Kuala Balai supaya mengemukakan calon Imam tetapi Penghulu Kampong Kuala Balai telah memberi tahu bahawa dia tidak dapat mengemukakan sa-barang calon di-sebabkan bilangan orang2 Islam di-dalam daftar Mesjid yang wajib bersembahyang Jumaat sejak tahun 1972 hanya sa-ramai 17 orang.

Kedatangan sembahyang Jumaat sejak tahun 1972 hanya se-

kali di-datangi oleh sa-ramai 8 orang, empat kali sa-ramai 6 orang, tiga kali sa-ramai 5 orang dan selebihnya di-datangi antara satu dan empat orang saja.

Guru Ugama telah di-tiadakan di-Sekolah Melayu Kuala Balai sejak bulan Mach 1973 ini di-dasarkan perundangan yang di-buat dengan Ketua Kampong Kuala Balai kerana dalam tahun 1973 hanya dua orang saja bersekolah ia-itu sa-orang lelaki dan sa-orang perempuan.

Perkara2 yang utama perlu di-dahulukan — Pmk M. B.

PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menegaskan bahawa pembinaan jalan2 kecil seperti dari Kampong Mumong menuju ka-Kuala Balai ada-lah di-pertimbangkan menurut kesesuaian dan keadaan-nya dari satu masa ka-satu masa.

Sabda Yang Amat Mulia, perkara2 yang menimbulkan keutamaan yang di-fikirkan sesuai perlulah di-dahulukan yang terpaksa di-kemudiankan hendak-lah di-kemudiankan ia-itu sa-mata2 menurut keadaan yang terdapat dari satu masa ka-satu masa.

Jalan kecil yang di-timbulkan itu akan sentiasa dalam perhatian

kemasokkan minyak mentah dan penghasilan daripadanya. Kita di-Brunei ada-lah sangat beruntung kerana kita ada-lah pengeluar minyak dan gas dan ada-lah menyenangkan kerana di-beri jaminan mengenai pembekalan yang chukop bagi kenderaan perseorangan dan juga bagi perkhidmatan2 awam. Juga sangat-lah menggembirakan bahawa rancangan untuk pengeluaran kuasa letrik dari turbine di-tenagai oleh gas asli patut sudah selesai dan dapat di-teruskan dengan pengendalian sepenoh-nya.

Kesan besar kekurangan minyak dunia sa-panjang yang berkenaan kepada Brunei ia-lah untuk menaikkan dengan lebih berkesan lagi nilai pengeluaran itu dan oleh sebab pengatiran chukai di-Brunei ada-lah berasas kepada harga yang di-ketahui yang mengikut chorak yang terdapat di-negeri2 Telok Persi, hasil Negeri Brunei akan nyata bertambah pada 1974. Saya berasa gembira mengambil peluang ini untuk menyuarakan pengharagaan Kerajaan di-atas kesudian Sharikat Minyak Shell untuk berunding dengan Kerajaan mengenai dengan minyak dan perkara yang bersangkutan dengan-nya. Perbincangan dan rundingan adalah di-buat dalam suasana muhibbah dan telah menghasilkan perhubungan kerja yang persafahaman yang menjamin Brunei dapat menerima harga hasil yang saksama yang di-dapati dari hasil alam-nya yang paling mustahak sedangkan sharikat minyak itu sendiri tersekat oleh kewan2 kerajaan.

Saya telah menyebut dalam masa yang lepas bahawa dengan tertubuh-nya LNG yang sa-bahagian daripada "equity"-nya ada-lah di-pegang oleh Kerajaan dan ia-nya mengusahakan dengan chara memencheairkan gas asli untuk di-hantar dan di-jual kepada pembeli di-Jepun. Projek ini sa-takat ini beroleh kejayaan yang chemerlang. Empat train yang pertama telah siap dan yang kelima akan di-habiskan pada tahun 1974. Dua buah kapal yang di-buat khas sekarang selalu dalam perjalanan di-antara Brunei dan Jepun dan ini akan di-ikuti oleh lima buah kapal lagi dalam masa yang akan datang.

Undang2 sharikat kewangan yang telah di-luluskan pada musim permeshuaratan yang lepas telah berjalan kuatkuasa-nya pada 1hb. Ogos, 1973 sekarang boleh-lah jaminan di-berikan mengenai dengan perniagaan sharikat sa-umpama ini supaya ia-nya di-usahakan dengan jalan yang memuaskan agar orang ramai tidak terjerumus ka-dalam risiko hasil dari usaha yang tidak bertanggung-jawab.

(Lihat muka 5)

Kerajaan jika ada keperluan untuk membina-nya.

Yang Amat Mulia bersabda demikian ketika menjawab satu soalan yang di-kemukakan oleh ahli Ulu Belait, Y.B. Awang Ariff bin Mujun.

Menjawab satu soalan lain, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menjelaskan terhad tanah bergerak yang menurut-nya sedang dalam pengkajian Kerajaan terutama sekali bagi maksud berchukok tanam supaya menambah hasil mahsul negara.

Menjawab soalan yang lain dari ahli di-Daerah Temburong Y.B. Awang Haji Abu Bakar bin Baha, Yang Amat Berhormat Pemangku

(Lihat muka 5)

FIRMAN Allah Subhanahu-Wataala di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Allah yang memberikan kerajaan (kebesaran) kepada siapa yang di-kehendaki-nya, dan menchabut kerajaan (kebesaran) itu dari siapa yang di-kehendaki-nya, dan memuliakan siapa yang di-sukai, juga menghinakan siapa yang di-sukai-nya dengan kekuasaan-nya, sesungguhnya Allah maha kuasa atas tiap2 sesuatu".

Daripada keterangan ayat Quran tersebut jelas-lah kepada kita bahawa Allah Subhanahu-Wataala ada-lah Tuhan yang maha berkuasa, dia-lah yang menentukan segala2-nya, dia-lah yang mengetahui segala2-nya, dia-lah yang memberikan kemuliaan dan kebesaran bagi sa-seorang atau sesuatu umat dan dia-lah pula yang berkuasa menghina atau menjatuhkan sa-seorang atau umat.

Menjatuhkan umat dari kebesaran-nya atau menaikkan umat dari kerendahan-nya semua-nya itu amat mudah bagi Allah dan tidak ada sa-barang kesukaran bagi-nya. Sunggohpun begitu Tuhan tidak-lah berlaku dzalim dalam menentukan segala kehendak-nya, bahkan dalam menaikkan atau menjatuhkan umat itu segala2-nya menerusi asbab2 yang tertentu. Asbab2 itu ada-lah merupakan undang2 dan peraturan2 tetap

Allah menentukan segala kehendak-nya menerusi asbab2 yang tertentu



KHUTBAH JUMA'AT

daripada Allah Subhanahu-Wataala. Mana2 umat yang dapat memenuhi kehendak2 asbab kenaikan yang di-tentukan oleh Allah itu maka dengan izin-nya akan naik-lah umat itu, dan sebalik-nya mana2 umat yang melakukan asbab2 yang membawa kejatohan yang di-tentukan oleh Allah itu maka dengan kehendak-nya akan jatuh-lah umat itu.

Chontoh2 berkenaan kenaikan, ketinggian, kemuliaan atau kerendahan, kehinaan dan kehanchoran sa-satu umat itu memang banyak dan dapat kita dapati daripada sejarah umat2 manusia yang telah lalu. Chontoh yang paling dekat ia-lah umat Jerman dan umat Jepun di-masa peperangan dunia yang kedua dahulu. Kedua2 umat itu telah pun

berada di-punchak kenaikan dan kebesaran-nya bila mereka dapat menguasai sa-bahagian besar dunia sebelah barat dan dunia sebelah timur tetapi baru beberapa tahun mereka itu berkuasa dengan tidak disangka2 mereka pun di-timpa kekalahan dan kehanchoran. Semua-nya itu berlaku dengan kehendak Allah menerusi asbab2 yang tertentu.

Soal menaikkan sa-satu umat biar-lah tidak kita per-katakan dalam khutbah ini, tetapi soal yang membawa kejatohan dan kehanchoran sa-satu umat itu rasa-nya perlu kita sentoh bagi memastikan supaya kita sentiasa waspada dan beringat2 jangan sampai terlanggar asbab2 yang membawa ke-arah itu, baik dengan senghaja atau tidak senghaja.

Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Tidak-lah engkau perhatikan bagaimana Tuhan mu telah menyeksa kaum Had, Kaum Iram yang mewah yang belum pernah di-jadikan (sa-mewah) yang sa-rupa mereka di-negeri2 itu. Dan Perhatikanlah bagaimana kaum Fir'un yang mempunyai bangunan2 yang besar, mereka melanggar batas negeri itu dan mereka berbuat banyak kerosakkan

di-dalam-nya, dari sebab-nya Tuhan menurunkan bala dan azab atas mereka, sesungguhnya Allah tetap mengawasi segala2-nya (perbuatan) mereka".

Dari ayat Al-Quran itu dapat-lah kita mengetahui bahawa sebab2 keruntuhan dan kebinasaan kaum Had, kaum T h m u d, kaum Fir'un, Namrud ia-lah mula-nya mereka di-atas punchak kemuliaan dan kebesaran, tetapi oleh sebab melakukan mereka melanggar batas sebab mereka berlaku aniaya dan dzalim, derhaka dan melakukan maksiat dan krisis moral menjadi2, maka sebab itu-lah Allah murka dan marah kepada mereka lalu menjatuhkan dan menghapuskan segala nikmat kemewahan dan kebesaran mereka.

Untuk mengelakkan jangan sampai turun bala dan bencana, maka mari-lah kita sentiasa waspada dan beringat2 jangan sampai kita melakukan asbab2 yang membawa kejatohan dan kehanchoran masharakat kita. Masharakat Islam di-negeri ini hendaklah memastikan bahawa jalan yang sebaik2-nya kita ikuti ia-lah mematohi dan ta'at mengerjakan surohan2 Allah dan rasul-nya dan menjauhi segala macham larangan-nya. Mudah2an kita sekalian akan terselamat daripada segala macham bala dan bencana yang di-turunkan Allah berdasarkan perbuatan2 dan kelakuan2 hamba2-nya yang melanggar hukum2-nya.

Keputusan peraduan bahath sekolah2 rendah dan menengah Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan bahath sekolah2 rendah dan menengah Melayu peringkat akhir telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Pusu Ulak di-sini pada hari Rabu lepas.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Awang Ahmad bin Haji Jumaat, sa-orang pegawai pentadbir di-Jabatan Pelajaran bagi pehak Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato A.D. Bumford.

Lapan buah sekolah2 rendah dan menengah Melayu telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Lawatan ka-padang minyak Seria

SERIA. — Sa-ramai 27 orang Ketua Kampong dan Penghulu2 di-Daerah Brunei/Muara dan kakitangan Pejabat Daerah, yang di-ketuai oleh Awang Ibrahim bin Haji Abdul Karim, sa-orang pegawai pentadbir, telah melawat ka-padang minyak Seria pada minggu lalu.

Mereka tiba di-Pusat Penerangan Shari'at Minyak Shell pada jam 9.30 pagi di-mana mereka diberikan taklimat oleh Syed Ahmad Fadzilah. Pegawai Penerangan mengenai kerja2 yang dijalankan oleh Shari'at Minyak Shell Brunei Berhad.

Sa-telah itu mereka menyaksikan sa-buah filem mengenai minyak dan gas. Kemudian mereka melawat ka-Pusat Pertanian shari'at itu di-Sinait.

Berikut ini ada-lah keputusan peraduan tersebut:

Bahagian sekolah rendah lelaki: Johan — Sekolah Melayu Junjongan dengan mendapat markah 195 mata dan naib-johan di-menangi oleh Sekolah Melayu Sinait dengan mendapat markah 194 mata. Peserta terbaik ia-lah Awang Kula bin Mohammad Noor dari Sekolah Melayu Junjongan.

Bahagian sekolah rendah perempuan: Johan — di-menangi oleh Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dengan mendapat markah 212 mata, dan naib-johan — Sekolah Melayu Junjongan dengan mendapat 204 mata. Peserta terbaik di-menangi oleh Dk. Rosni binte Pengiran Damit dari Sekolah Melayu Muhammad Alam.

Bahagian sekolah menengah lelaki: Johan — Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dengan mendapat markah 208 dan naib-johan di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dengan mendapat markah 188 mata. Peserta terbaik ia-lah Awg. Ebil bin Ahmad dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Bahagian sekolah menengah perempuan: Johan — Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dengan mendapat markah 215 mata dan naib-johan — Sekolah Menengah Melayu SMJA dengan mendapat markah 210 mata. Peserta terbaik di-menangi oleh Dayang Normah binte Hassan, dari Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris, isteri Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26hb. Disember, 1973 hingga ka-hari Selasa 1hb. Januari, 1974 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
26hb. Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27
27hb. Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27
28hb. Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27
29hb. Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27
30hb. Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27
31hb. Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27
1hb. Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(26hb. Disember, 1973).

KEMEWAHAN UNTUK RAAAYAT

SATU lagi harapan yang sungguh2 menggembirakan apabila Kerajaan membuat penanaman modal dengan menjadi pemegang saham sa-jumlah 25 peratus dalam Syarikat Minyak Shell dan ini tambah meyakinkan lagi kepada umum bahawa Kerajaan sentiasa berusaha mencari jalan sa-mata2 bertujuan untuk memikirkan kepentingan rakyat dan negara.

Ada beberapa banyak lagi langkah2 yang harus diambil terutama memperbagaikan kegiatan ekonomi di-lapangan perusahaan dan perindustrian yang boleh menambahkan lagi hasil rakyat negara dan kerana itu rakyat tidak perlu di-susahkan dengan mengenakan cukai pendapatan dan lain2 sumber yang di-kutip dari rakyat bagi menampung Perbelanjaan untuk pembangunan negara.

Keistimewaan2 yang di-nikmati oleh rakyat dan penduduk Brunei ada-lah lebih tinggi dan sangat jauh beda-nya dari apa yang di-nikmati oleh rakyat di-negeri2 lain di-dunia ini.

Dengan sebab itu matalamat Rancangan Kemajuan Negara Lima tahun yang baru antara-nya bertujuan untuk membina masyarakat Brunei yang kukuh serta bersatu padu dan makmur dalam mana rakyat dapat menahut seruan2 Kerajaan yang berkebaikan itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika bertitah dari Singgahsana di-Persidangan Majlis Meshuarat Negeri berharap semoga semangat dan tekad rakyat dapat di-tunjukkan dalam usaha melancarkan dan melaksanakan Rancangan Kemajuan Negara yang baru.

Apa yang di-perhitungkan dalam rancangan itu ia-lah penyertaan tenaga rakyat untuk menentukan maju mundurnya semangat dan hasrat bersama yang penoh dengan kema'amoran dan kesejahteraan dalam dunia yang serba moden ini.

Duli Yang Maha Mulia dalam titah-nya telah meminta kepada Kerajaan Baginda supaya menumpukan perhatian dalam usaha menyusun rancangan tersebut hendak-lah di-hadkan masa-nya serta mempunyai sekatan2 yang berekonomi dan berfaedah.

Perkara2 membazir dan boros hendak-lah di-elakkan dan keutamaan hendak-lah di-tumpukan kepada unsur2 kesederhanaan dengan memberi pimpinan dan galakkan kepada rakyat untuk rajin berusaha berchukok tamam.

Dengan jalan demikian Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan percaya dalam beberapa tahun akan datang Negeri Brunei tidak payah mengimpot barang2 makanan untuk keperluan negeri ini.

Brunei titah Baginda, tidak dapat lari dari mengalami riak gelombang suasana yang berlaku di-seluruh dunia dan kerana itu Kerajaan perlu-lah berusaha mencari jalan bagi mengurangkan beban kehidupan rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah.



SPEAKER dan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

Sejak Beta berucap di-majlis yang sama tahun lalu banyak kejadian2 yang telah berlaku di-sekitar kita dan kita juga sendiri telah mengalami berbagai2 pengalaman yang boleh di-jadikan chuntoh tauladan di-tahun2 yang akan datang. Beta berchukok kahadrat Allah Subhanahu-Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya Negeri Brunei Darus Salam telah dapat mengurak langkah berkembangan maju dan telah mencapai beberapa kejayaan dalam bidang2 tertentu.

Dalam Persidangan Majlis Meshuarat Negeri yang lalu Beta telah meminta Kerajaan Beta supaya menyediakan sa-buah Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru dengan tujuan untuk membina masyarakat yang kukuh serta bersatu padu dan ma'amor untuk kepentingan seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei Darus Salam ini. Beta sukachita mendapat tahu bahawa dalam usaha Kerajaan Beta yang menyusun Rancangan Kemajuan yang baru ini rakyat Beta di-seluruh negeri ini telah tampil untuk menyertai dan menahut seruan2 Kerajaan Beta. Tindakan ikhlas pada menumpukan semangat untuk berdamping rapat dengan Kerajaan ada-lah sememangnya di-alu2kan dan merupakan satu kebanggaan kepada Beta. Bersatu padu dengan ikhlas dari hati kahiati sudah sememangnya melambangkan negeri kita Brunei Darus Salam. Ada-lah sepehonya di-harapkan seterusnya semua semangat dan tekad yang sama akan dapat di-tunjukkan dan di-buktikan dalam usaha melancarkan dan melaksanakan Rancangan Kemajuan yang baru itu nanti apabila sudah siap di-sediakan. Penyertaan rakyat pada Rancangan Kerajaan Beta yang berfaedah akan tidak shak lagi dapat memperhitungkan maju mundurnya semangat dan hasrat bersama untuk hidup penoh dengan kema'amoran dan kesejahteraan dalam dunia moden ini.

Beta pada sa'at yang berbahagia ini ingin membuat seruan ikhlas kepada rakyat Beta melalui Ahli2 Majlis ini supaya terus menetapkan iman kebajikan dengan tabah pada menghadapi segala perbuatan kejam yang mana adalah semangat yang di-fardhukan oleh Allah Subhanahu Wataala. Amalan yang berkebaikan ini jika terus di-lakukan akan mendatangkan rahmat kepada semua-nya dan kepada negara khusus-nya.

Di-samping itu Beta ingin meminta kepada Kerajaan Beta supaya menumpukan perhatian pada keadaan yang ada dengan aliran masa dalam usaha menyusun dan membentok Rancangan Kemajuan yang baru. Perlu di-teraskan Rancangan Kemajuan hendak-lah di-hadkan masa-nya atau kelam-

an-nya dan mempunyai sekatan2 yang berekonomi dan berfaedah. Segala yang melampau, yang membazir dan boros hendak-lah di-elakkan dan keutamaan hendak-lah di-berikan pada unsur2 kesederhanaan. Sa-bagai mithalan segala galakan dan pimpinan hendak-lah di-berikan kepada rakyat Beta supaya rajin berusaha kerana Allah khusus-nya berchukok tamam. Dengan jalan sedemikian Beta percaya dalam beberapa tahun yang akan datang Negeri Brunei tidak payah mengimpot barang2 makanan, dan jikalau usaha sedemikian di-perluaskan lagi, maka Negeri Brunei akan dapat pula mengeksport bahan2 makanan.

Beta sememangnya mengetahui bahawa kita di-negeri ini tidak-lah dapat lari dari mengalami riak gelombang suasana yang berlaku di-seluruh dunia. Kerajaan Beta dengan sebab itu perlu-lah terus menerus berusaha mencari jalan bagi merengangkan dan mengurangkan bebanan kehidupan rakyat Beta terutama-nya mereka dalam kumpulan yang berpendapatan rendah. Usaha jangka pendek seimbang dengan usaha jangka panjang, tegas-nya Rancangan Kemajuan yang baru, bagi mengatasi masalah2 yang timbul perlu di-jalankan dari semasa ka-semasa bagi faedah kesenangan dan kesejahteraan kita bersama. Ada-lah menjadi harapan Beta semua Ahli2 Majlis ini akan dapat memainkan peranan masing2 bagi membawa pengertian dan kesan usaha2 Kerajaan Beta ka-araf ini kepada rakyat Beta semua penghargaan dan kerjasama yang sepehonya di-perolehi.

Pada meluaskan lagi langkah2 Beta untuk memperkukuhkan dan menambah sumber2 hasil mahsul negara untuk menjaga kebajikan dan kema'amoran rakyat dan penduduk Negeri Brunei ini maka Beta sukachita menyatakan dalam Majlis ini bahawa Kerajaan Beta sesudah mengkaji dengan teliti tawaran yang jujur dari Syarikat Minyak Shell Brunei, telah mengambil keputusan untuk menyertai sa-bagai pemodal Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad yang mana pada dasar-nya Kerajaan Beta akan menjadi pemegang saham sa-jumlah 25% dari jumlah besar saham syarikat tersebut. Insha Allah Kerajaan Beta akan terus berusaha mencari jalan pada mengukuhkan lagi dan menambah sumber2 pendapatan negara.

Kerajaan Beta sentiasa sedar bahawa kebahagiaan dan kema'amoran rakyat serta negara adalah bergantung kepada keselamatan dan ketenteraman dalam Negeri. Dengan sebab itu Beta sukachita menyatakan di-Majlis ini bahawa Beta dan Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk memperbaiki dan mempererat lagi tali persahabatan di-antara Kerajaan Beta dengan Kerajaan Paduka

D.Y.M.M. MENGALU2KAN K'SAMA RAAAYAT DLM MENJAYAKAN RKN

Titah sa-penoh kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Upachara Pembukaan Rasmi Persidangan (Belanjawan) Majlis Meshuarat Negeri kali ke-11 pada 20hb. Disember, 1973.

Seri Baginda Queen yang mana dengan izin Allah pada waktu ini berjaan dengan baik dan terator. Daam menyedari betapa penting-nya kesesamaman dan kesejahteraan Negeri Brunei Darus Salam, maka Kerajaan Beta akan menubuhkan satu Battalion lagi Askar Melayu Diraja Brunei yang di-ranchangkan untuk di-tempatkan di-Daerah Tutong. Usaha sedemikian ada-lah di-tujukan pada memastikan kehidupan sa-tiap hari rakyat dan penduduk Negeri Brunei Darus Salam ini bagi membolehkan mereka hidup dalam keadaan aman damai penoh kesejahteraan dan kema'amoran. Insha Allah Kerajaan Beta berazam akan mengambil tindakan yang tegas pada menegah perbuatan yang bertujuan untuk mendatangkan kucar-kacuh kepada Negeri Brunei. Beta mengambil pe'uang ini untuk mengingatkan kepada semua rakyat dan penduduk Negeri Brunei, termasuk pemuda pemudi yang maseh bersekolah, supaya menjauhkan diri dari di-pengarohi oleh anasir2 yang khianat kepada Negeri Brunei. Beta mengambil kesempatan ini untuk menguchapkan sa-tinggi2 penghargaan dan terima kasih kepada Pasokan Askar Melayu Diraja, Brunei. Pasokan Pulis Diraja dan Anakan Tentera Paduka Seri Baginda Queen yang telah berusaha berganding bahu mempertahankan keselamatan dan ketenteraman dalam negeri. Usaha yang di-sumbangkan akan sentiasa di-hargai dan di-sanjong tinggi.

Dalam Persidangan kali ini Ahli2 akan membincangkan dan mempertimbangkan beberapa perkara yang penting yang berkebaikan termasuk-lah beberapa undang2 dan juga rang belanjawan bagi tahun hadapan. Sa-bagaimana di-tahun2 yang sudah dalam rang belanjawan bagi tahun hadapan Kerajaan Beta akan meneruskan dasar untuk memberikan faedah dan kesenangan kepada semua rakyat dan penduduk di-negeri ini.

Beta percaya bahawa Ahli2 Majlis ini akan dapat mempertimbangkan perkara2 yang akan di-hadapkan dengan tenang, saksama dan penoh bertanggung jawab dan akan dapat menyumbangkan buah2 fikiran yang bernilai serta pandangan2 dan tegoran2 yang membina dengan sa-chara ikhlas dan jujur sa-mata2 di-asaskan pada membawa kebajikan kepada Negeri Brunei Darus Salam ini.

Beta menguchapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada Speaker Majlis Meshuarat Negeri dan Ahli2 sekalian dan berdo'a semua perbincangan serta perjalanan Majlis ini akan di-berkati oleh Allah Subhanahu-Wataala dan mendoatangkan kebajikan kepada Negeri Brunei Darus Salam ini. Beta juga menguchapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei kerana turut hadir dalam majlis hari ini.

Rancangan pembangunan negara lebih pesat dalam tahun 1974

(Dari muka 2)

Sekarang kembali kepada kedudukan kewangan, pada penutup 1973, saya menarapkan ada-nya lebelan simpanan sa-masa tahun ini sa-banyak \$119 juta, tetapi sa-telah simpanan untuk menaungi turun-nya nilai matawang, sterling dan sa-telah termasuk yang di-masokkan kepada kumpulan wang kemajuan ada maseh lagi baki tambahan bagi kumpulan wang yang di-satukan. Ada-lah di-ang-garkan bahawa kira2 1974 akan di-buka dengan baki yang lebih kurang \$630 juta. Oleh sebab ada bertambah-nya harga minyak yang telah saya sebutkan, hasil 1974 akan mencahapi jumlah yang tidak satera \$644.8 juta. Berlatar-belakangkan kedudukan kewangan yang memuaskan Kerajaan adalah berhaat untuk mengarahkan kemajuan negeri dengan tujuan untuk menjamin akan ada-lah satu kadar perkembangan ekonomi yang rapi chukop untuk membawa kesejahteraan kepada orang ramai dan untuk menaikkan taraf hidup. Kearah ini perbelanjaan Kerajaan di-buat untuk mengadakan perkhidmatan yang chukop tanpa membuat perbelanjaan yang membazir yang akan mengakibatkan inflasi. Satu jawatankuasa Majlis ini telah di-lantik untuk mengkaji perbelanjaan tiap2 jabatan Kerajaan dan hasil usaha jawatankuasa itu dapat di-lihat dalam anggaran hasil dan perbelanjaan yang di-bentangkan sa-bagai kertas Majlis Bilangan 2, 1973. Akan di-perhatikan bahawa perbel. -aan ada-lah di-anggarkan \$229.5 juta dan juga mustahak untuk memperuntukkan \$52 juta untuk Kumpulan Wang Kemajuan. Ada-lah juga di-harapkan bahawa pada akhir tahun 1974 ada sepatut-nya baki dalam kira2 kumpulan wang yang di-satukan sa-jumlah lebih kurang \$993.8 juta.

Juga sudah tentu-nya keselamatan negara ada-lah satu perkara yang amat mustahak, kerana kalau tidak ada ini maka perkhidmatan2 yang lain tidak mempunyai apa2 maana. Kerajaan ada-lah beruntung kerana boleh membiayai perbelanjaan pasokan2 keselamatan dan juga untuk membuat ranchangan yang akan menjamin kesihatan, pelajaran dan kedudukan ekonomi orang ramai tanpa mengadakan chukai pendapatan perseorangan. Sa-bagai tambahan ada-lah boleh untuk membuat perkhidmatan yang tertentu perchu-

ma dan untuk memberi pertolongan kepada perkara yang tentu-nya menaikkan perbebanan sa-perti naik-nya harga. Perkerja ini di-bayangkan dengan bertambah-nya perbelanjaan berulang2 dari jumlah yang di-anggarkan \$187 juta tahun 1973 ka-\$229.5 juta tahun 1974.

Mengenai dengan belanjawan kemajuan, perbelanjaan tahun 1973 ada-lah di-anggarkan \$52 juta. Ini akan meninggalkan baki dalam kumpulan wang kemajuan sa-banyak \$21.5 juta dan oleh kerana perbelanjaan 1974 ada-lah di-ang-garkan berjumlah \$73 juta. Ahli2 Yang Berhormat ada-lah di-minta untuk meluluskan satu sumbangan kepada kumpulan wang ini 1974 sa-banyak \$52 juta.

Ranchangan kemajuan yang bermula pada tahun 1963 ada-lah hampir selesai dan satu ranchangan baru pada masa ini di-usahkan. Sa-panjang tahun 1974 perhatian akan di-berikan pada besar-nya dalam menyelesaikan ranchangan2 yang memberikan perkhidmatan yang mustahak kalau tidak kemajuan selanjut-nya tidak dapat berjalan.

Satu lagi yang sangat di-perlukan ia-lah jalan raya yang sempurna dan kehendak2 yang perlu ka-arrah ini ada-lah di-usahkan dengan kelolaan Jabatan Kerja Raya. Bergantung kepada pengatoran yang lebih mustahak dalam ranchangan baru, kerja2 ada-lah berjalan di-Jalan Muara/Bandar Seri Begawan di-Delima dan juga Lagong/Bukit Su'ang dan Jalan Subok dan Limau Manis. Kerja membuboh tar bagi jalan Kuala Belait dan Seria telah selesai dan sesudah kerja2 membina jambatan di-buat ini akan dapat di-gunakan. Jalan Labi yang panjang-nya 29 batu dan projek yang paling besar dalam usaha yang tunggal sekarang semakin maju menuju ka-arrah penyelesaian dan kerja2 membuboh tar akan berlanjutan pada 1974.

Mengenai dengan pembekalan ayer, 1973 kita telah menyaksikan kejayaan tujuan besar Kerajaan. Walaupun sa-tengah2 daripada tempat simpanan ayer maseh lagi belum di-sudahkan, perbekalan yang di-olah dari ranchangan Sungai Tutong telah masuk kaperbekalan Bandar Seri Begawan pada 23hb. Mei, 1973. Sistem penghantaran ayer bagi Tutong dan Muara akan di-sambong tidak lama lagi. Kerja bagi ranchangan sungai Belait ada-lah hampir siap

dan ada-lah di-duga bahawa perbekalan baru akan di-nikmati di-Kuala Belait, Seria dan Sungai Liang pada awal tahun 1974. Masalah teknikal menyebabkan lambat-nya tawaran untuk mengerjakan ranchangan Bangar, tetapi kerja akan bermula pada tahun 1974.

Berikutan dengan sudah-nya taliayer dan pembuangan najis di-bawah ranchangan peruntukan kemudahan2 moden di-Bandar Seri Begawan, Jalan Belait/Seria, banyak bilangan bangunan2 yang telah di-sambongkan dan ranchangan ini boleh di-katakan sudah selesai.

Mengenai dengan talikom, saya sebutkan di-tahun lepas bahawa kerja permulaan telah di-buat dalam ranchangan untuk menambah kemampuan exchange Bandar Seri Begawan dari 3,300 ka-5,000. Ahli2 Yang Berhormat tentu-nya gembira untuk mengetahui bahawa kerja2 ini hampir siap.

Sa-buah bangunan sawat telah siap di-bina di-Tutong dan pemasangan penchubuan dan penyambongkan perkakas ada-lah dalam peringkat yang akhir. Sa-buah bangunan sawat juga di-bina di-Muara dan akan siap pada bulan Februari 1974. Kehendak untuk menggunakan perkhidmatan telex makin bertambah dan satu switch-board telex sedang di-pasang di-Bandar Seri Begawan untuk kegunaan pengguna2 tambahan ini.

Kemudahan2 talikom seberang laut ada-lah sa-takat ini tidak men-chukopi tetapi ia-nya sekarang ada-lah di-perbaiki dengan ada-nya perkhidmatan talipon dan telex yang baru ka-Singapura dan Hong Kong. Ini patut-nya dapat di-gunakan dalam suku pertama 1974, bukan sahaja boleh memberikan perkhidmatan yang baik bagi kedua2 negeri itu, tetapi juga keseluruh dunia menerusi kedua2 negeri itu.

Mungkin ahli2 Yang Berhormat ingat perkhidmatan penerbangan jet ka-Brunei mulai pada 1hb. Disember, 1972 menggunakan sa-bahagian daripada landasan lapangan terbang baru. Kesemua landasan di-gunakan pada akhir Mach tahun ini, jadi-nya semua kapal terbang dapat di-terima. Pemborong pembinaan bangunan terminal sangat di-kesalkan kerana meninggalkan pekerjaan-nya beberapa minggu yang lalu tetapi satu kontrak baru telah di-buat dan bangunan ini akan selesai untuk di-gunakan dalam masa lebih kurang tiga bulan lagi.

Pelabongan ayer dalam Muara telah di-buka bagi kapal-kapal pada awal bulan April tahun ini, satu hasil yang memuaskan bagi ranchangan yang terator dan pembinaan yang menyeluruh.

Walaupun ekonomi negara pada masa ini ada-lah kesemua-nya bergantung di-atas pelombongan minyak dan gas, perhatian sa-makin di-berikan bagi faedah dan kebaikan penggunaan hasil bumi yang lain-nya sa-bagai asas pekerjaan dan pendapatan masa hadapan. Pertanian, kehutanan, perikanan kita mempunyai sumber2 yang memuaskan, tetapi sumber2 ini belum lagi di-gunakan dengan sepenuhnya. Usaha2 semakin banyak di-buat oleh Jabatan Pertanian mengenai dengan membaiki pembekalan barang2 makanan tempatan dan perhatian terutama sekali di-berikan kepada pengeluaran beras, binatang2 ternakan, makanan2 ternakan, tumbuhan2, buah2 dan sayur2an. Ranchangan juga di-buat bagi mengadakan pengusahaan yang memuaskan bagi pembesaran perusahaan perikanan.

Jumlah pengeluaran balak tempatan ada-lah bertambah dan sekarang di-nilaikan lebih kurang \$5 juta sa-tahun. Ranchangan untuk menubuhkan satu kompleks balak atau lebih untuk mengeluarkan kayu yang di-bentuk papan dan perkakas "prefabricated" adalah berjalan dengan lancar berikutan dengan kajian "feasibility" yang di-buat oleh sharikat2 kayu balak baru2 ini Ada-lah di-maksudkan agar kemajuan seperti itu akan di-masokkan ka-dalam dasar yang ada dengan satu chara untuk menjamin tentang ada-nya perbekalan2 balak di-pasaran tempatan dengan murah-nya. Satu lagi kemungkinan ia-lah penubohan sa-buah kilang pembuat papan kertas dengan menggunakan balak yang kurang mutu-nya.

Satu perkara yang di-ambil perhatian dalam anggaran kemajuan ia-lah membuat sa-buah rumah sakit untuk menggantikan yang ada sekarang di-Bandar Seri Begawan. Walaupun rumah sakit yang ada sekarang ini chukop dengan perkakas yang terhad dalam keadaan yang ada dengan bangunan itu, satu kompleks yang baru akan menambah lagi apa yang ada di-Kuala Belait dan Tutong.

Satu projek yang akan tentu akan mendapat sambutan ia-lah peruntukan untuk mengadakan TV berwarna di-seluruh negeri yang di-jangka akan di-buat dan di-lancarkan dalam tahun 1974.

Akhir-nya, ada-lah satu kegem-biraan yang tidak terhitung bagi saya kerana dapat memberi tahu ahli2 Yang Berhormat mengenai dengan kedudukan kewangan yang memuaskan yang membolehkan Kerajaan untuk menjalankan ranchangan2 untuk pembangunan dan membaiki perkhidmatan am dan sosial tanpa meminjam dari luar atau berhutang. Ada-lah juga menggembirakan yang kemajuan sa-upama ini boleh berlaku tanpa melibatkan kehidupan orang ramai seperti yang di-alami oleh orang2 di-negeri yang sedang dan sudah membangun pada masa ini.

Permohonan tanah deposit dalam pertimbangan

(Dari muka 2)

Menteri Besar memberi tahu bahawa penerimaan permohonan tanah sa-chara deposit terutama sekali bagi maksud berchuchok tanam dari raayat yang ta'at lagi setia dan patoh kepada undang2 dan peraturan Kerajaan, permohonan2 itu sedang di-kaji dan di-timbangkan.

Menjawab satu soalan lain, Yang Amat Berhormat Pmk. Menteri Besar meyakinkan bahawa Kerajaan sendiri sentiasa meng-alu2kan sa-barang ranchangan untuk membuka ladang sawah yang luas di-negeri ini ia-itu ranchangan yang benar2 di-fikirkan boleh mendatangkan kebajikan kepada raayat dan penduduk negeri ini.

Dengan sebab itu antara lain projek2 infra-structure seperti jalan raya, perbekalan ayer, letrik dan perkhidmatan2 sosial seperti perubatan, pelajaran dan sa-upama-nya di-sediakan untuk kemudahan2 perusahaan.

Kerajaan sendiri pada masa ini sedang mengadakan projek per-chubuan di-Mulaut sa-chara sedar-hana untuk faedah2 kemungkinan mengadakan penanaman padi sa-chara besar2an, sayor dan jagong.

Brunei mengalu2kan kedatangan pakar2 perindustrian luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengalu2kan kedatangan pakar2 atau ahli pandai dari negara2 yang baik seperti United Kingdom untuk mengendalikan sa-barang usaha yang berkebakikan sa-perti kilang2, urusan kayu-kayan sama ada untuk jangka panjang atau sebakel-nya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh Y.B. Awang Haji Abu Bakar bin Baha yang bertanya ada-lah Kerajaan berniat untuk mengambil

pakar2 atau sharikat2 mahir di-luar negeri masuk ka-Brunei bagi mengendalikan projek2 perusahaan seperti perusahaan sawah padi, tebu dan kilang2.

Menjawab satu soalan lain, Y.B. Pmk. Setia Usaha Kerajaan menegaskan, Kerajaan berpendapat bilangan doktor, pegawai2 serta jururawat2 ada-lah menchukopi bagi seluruh negeri Brunei.

Tetapi malang-nya usaha2 yang tegas sentiasa di-jalankan untuk mendapatkan kaki tangan itu namun maseh terdapat kesuntukan kerana tenaga2 yang di-perlukan itu ada-lah tidak menchukopi bukan

Lihat Muka 6)



Gambar atas: menunjukkan Major Dato Mohammad bin Haji Daud, Pegawai Pemerintah Depot Chawangan Latehan Perkhemahan Bolkliah sedang memeriksa barisan pasukan kadet yang mengambil bahagi dalam perbarisan tahunan itu, sementara gambar kiri beliau ketika memberikan ucapan di-upacara tersebut.



Kebebasan boleh mendatangkan beberapa keburokan

BERAKAS. — Sa-ramai 108 orang kadet Brunei dari tujuh buah sekolah menengah dan maktab di-negeri ini, telah mengambil bahagian dalam satu upacara perbarisan tahunan di-Perkhemahan Bolkliah pada hari Rabu lepas.

Pasokan2 yang mengambil bahagian ia-lah dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan; Sekolah Menengah Melayu SMJA; Maktab SOAS; Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong; Maktab Anthony Abell, Seria; Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkliah, Kuala Belait dan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Perbarisan itu di-perentahkan oleh Lt. Muda Pengiran Yunos bin Pengiran Haji Besar dari pasukan kadet itu.

Pegawai Pemerintah Depot Chawangan Latehan Perkhemahan Bolkliah, Major Dato Mohammad bin Hj. Daud, telah menerima tabek kehormatan dan seterusnya memeriksa perbarisan.

Major Dato Mohammad dalam ucapan-nya, telah menyampaikan tahniah atas perbarisan yang di-tunjokan oleh pasukan kadet itu, dan menisfatkan-nya sa-bagai mempunyai darjah kecekapan yang sangat2 tinggi serta penuh semangat. Beliau berkata, la-tehan2 itu di-adakan bertujuan untuk memupok rasa bertanggung jawab, menyemai perasaan berdisiplin dan membina sifat2 pimpinan kepada semua pasukan itu.

Major Dato Mohammad berkata, tanggung-jawab, disiplin dan pimpinan mesti-lah diingat pada sa-tiap masa, kerana generasi muda sekarang ada-lah harapan bangsa pada masa akan datang, untuk menentukan perkembangan dan ketenteraman negara.

Orang muda pada zaman ini, kata-nya, mempunyai lebih kebebasan daripada orang2 muda pada zaman sepuluh atau dua puluh tahun yang lalu. Kebebasan ini berpunca dari kemajuan masyarakat yang mencapai taraf hidup yang lebih tinggi.

Major Dato Mohammad mengingatkan, bahawa kebebasan itu boleh mendatangkan beberapa keburokan kerana orang2 muda masa sekarang boleh dan mudah di-rasok oleh pengaruh2 luar yang tidak di-ingini.

Beliau berharap, hidup berdisiplin ada-lah perlu, untuk menjauhkan pengaruh2 asing, dan sa-belum mereka membuat sesuatu tindakan, mereka mesti-lah memikirkan tentang akibat sesuatu perkara itu kepada diri mereka, nama baik ibu bapa, guru2 mereka, sekolah dan pasukan mereka, ia-itu pasukan kadet dan seterusnya pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kepada sembilan orang kadet terbaik semasa menjalani latihan.

Pasokan kadet dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong telah terpilih sa-bagai sekolah terbaik di-seluruh negeri.

Turut menyerikan upacara perbarisan ia-lah permainan pasukan pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei.

Pertunjukan permainan pancharagam dari penuntut2 S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai 104 penuntut dari National Junior College Military Band, Singapura sedang mengadakan lawatan ka-negeri ini.

Sa-masa berada di-sini, mereka akan mengadakan beberapa pertunjukan permainan pancharagam dan concert.

Penuntut2 tersebut akan mengadakan permainan mereka di-padang besar Bandar Seri Begawan petang ini mulai jam 4.30 petang.

Esok, 27hb. Disember, rombongan itu akan pergi ka-Kuala Belait untuk menunjukkan permainan mereka di-padang besar Kuala Belait mulai jam 4.30 petang.

Rombongan dari National Junior College Military Band itu akan mengadakan satu pertunjukan concert di-Dewan Raya mulai jam 7.30 malam.

Pertunjukan tersebut terbuka kepada orang ramai. Tiket2 untuk menuntun yang di-beri dengan perchuma boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran.

Usaha2 sedang di-buat bagi penuntut2 Ugama yg di-panggil pulang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin berkata bahawa usaha2 dan langkah2 sedang di-laksanakan, bagi 52 orang penuntut2 Jabatan Hal Ehwal Ugama yang sekarang berada di-tanah ayer, berikutan dengan langkah pemanggilan pulang penuntut2 tersebut dari Semenanjung Malaysia baru2 ini.

Yang Berhormat itu menerangkan, antara lain usaha2 dan langkah2 itu termasuklah mencari tempat untuk sa-bilangan dari mereka melanjutkan pelajaran di-Sekolah Arab Al-Juned, Singapura, dari mana, jika mereka berjaya, akan masuk terus ka-Universiti Al-Azhar, Kaherah.

Penuntut2 sa-ramai 52 orang itu ia-lah 18 orang dalam peringkat universiti manakala 34 orang yang lain dalam tingkatan menengah.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja berkata demikian, ketika berucap di-Majlis Penyampaian Hadiah2 Pelajaran di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Jalan Tutong pada hari Sabtu lepas.

Menyentuh mengenai dengan guru2 ugama di-negeri (Lihat muka 10)

Keluaran setem khas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu keluaran setem khas yang tertangguh bagi peringatan "Pembukaan Rasmi Tugu Peringatan Churchill" akan di-jual di-semua Pejabat Pos, Brunei, pada 31hb. Disember, 1973.

Setem2 tersebut berharga 50 sen dan 20 sen.

Setem2 tersebut akan di-jual dalam tempoh tiga bulan atau pun sa-hingga ia-nya habis dalam simpanan yang mana lebih awal.

Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada rakyat untuk menuntut ilmu pengetahuan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato A.D. Bumford menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sentiasa memberi peluang sepenoh-nya kepada rakyat negeri ini, untuk menuntut ilmu pengetahuan, sama ada di-dalam mahu pun di-luar negeri, sa-laras dengan perkembangan pelajaran sains dan teknologi.

Ucapan Pemangku Pengarah Pelajaran itu telah di-bachakan oleh Awang Ahmad bin Haji Jumaat, pegawai pentadbir di-Jabatan Pelajaran bagi pihak beliau, di-peraduan bahath antara sekolah2 rendah dan menengah Melayu peringkat akhir seluruh negeri yang berlangsung di-Dewan Sekolah Melayu Pusu Urak pada hari Rabu yang lalu.

Dalam ucapan itu Dato Bumford menegaskan bahawa tujuan Jabatan Pelajaran mengadakan peraduan bahath itu ia-lah untuk melatich murid2 supaya pitah berchakap, sa-lain dari mengasoh dan memimpin murid2 menjadi warga negara yang ta'at setia kepada Sultan dan negara, dan menjadi rakyat yang berbudi pekerti yang sempurna.

Kata-nya, Jabatan Pelajaran menyedari bahawa murid2 belum boleh menguasai Bahasa Melayu dengan baik dan tidak berani berchakap di-hadapan orang ramai, dari sebab itu kelemahan ini-lah hendak di-perbaiki dengan jalan mengadakan majlis bahath di-sekolah2.

Jabatan Pelajaran telah membentuk ahli2 jawatankuasa sukatan pelajaran bagi membuat sukatan pelajaran Sijil Rendah Pelajaran Brunei, di-mana pelajaran Kesenian juga memainkan peranan penting dalam bahagian tersebut.

Peraduan bahath itu di-pengerusikan oleh Guru Besar Sekolah Melayu Dato Gandi, Awang Abdul Wahab bin H. Nayan.

(Keputusan peraduan tersebut di-siarkan di-muka 3).

Rekrut2 AMDB tinjau kegiatan2 J.P.P.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan 70 orang rekrut Askar Melayu Diraja Brunei dari chawangan latehan Perkhemahan Bolkliah, termasuk beberapa orang jurulatih, telah melawat Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan.

Rombongan itu di-ketuai oleh Lt. Emran bin Haji Mohamed Moor dan Lt. Yahya bin Haji Abdi Manaf.

Semasa lawatan, rombongan itu di-bawa ka-beberapa bahagian pejabat itu untuk menyaksikan kerja2 yang di-lakukan di-bahagian itu.

Rombongan rekrut itu akan menamatkan latehan mereka dengan di-adakan satu upacara perbarisan tamat latehan di-Perkhe-

Lagi derma utk tabong stadium di-terima

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Derma Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri telah menerima sa-keping chek bernilai \$600.00 sa-bagai derma kepada tabong tersebut.

Ini-nya di-dermakan oleh tuan punya Brunei Cafe Union Bakery, Awang Han Siew Sam dan telah di-saksikan bersama oleh Yang Berhormat Pehin Dato Temenggong Dato Seri Paduka Awang Lim Cheng Choo.

Semasa menerima derma tersebut, Yang Berhormat itu memberikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tuan punya kedai itu yang mana dengan rasa tulus ikhlas telah menyumbangkan derma tersebut sa-bagai menjun-jong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei mengenai tabong pembinaan stadium.

Yang Berhormat itu mengharapkan sumbangan yang sa-demikian akan menjadi chontoh yang baik kepada peniaga2 lain.

mahan Berakas pada hari Jumaat 28hb. Disember ini.

Sementara itu, sa-ramai 90 orang lagi rekrut baru Askar Melayu Diraja Brunei dari pengambil-an ke-31, akan memulakan latehan mereka di-chawangan latehan Perkhemahan Bolkliah pada 31hb. Disember ini.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**



PASOKAN hoki perempuan Sekolah Melayu Putat, di-Bahagian Brunei Tiga telah berjaya mempertahankan kejohanan mereka dalam perlawanan hoki sekolah2 rendah seluruh negeri. Sekolah tersebut juga telah menjadi johan pada tahun lalu.

Sa-lain dari menjadi johan dalam perlawanan hoki, sekolah tersebut juga telah memenangi beberapa bahagian kegiatan sokan dan olah raga.

Dalam perlawanan rentas desa, pasokan perempuan sekolah itu telah menjadi johan sa-negeri dan naib-johan dalam kumpulan lelaki Bahagian 'A'.

Pasokan bola sepak kumpul-

an 'A' sekolah itu telah mendapat tempat ketiga dalam bahagian Brunei III dan tempat kedua bahagian Brunei III dalam perlawanan sepak raga.

Sekolah tersebut juga telah berjaya mendapat tempat keempat dalam sokan bahagian Brunei III.

Gambar atas menunjukkan pemain2 hoki sekolah tersebut bergambar dengan piala kejohanan yang di-menangi mereka sa-lama dua tahun berturut2. Berdiri di-belakang ia-lah Guru Besar sekolah tersebut, Che'gu Moktal bin Sahat dan guru sokan Che'gu Mohd. Yusof bin Haji Bagol.

JAWATAN² KOSONG

Sa-bagai Imam

Imam:

1 jawatan bagi Mesjid Utama Mohd. Salleh. Temburong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U.4 — \$280x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 tidak lewat dari 11hb. Februari, 1974.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari rakyat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Imam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Sa-bagai

Tukang Pelan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari rakyat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Pelan di-Jabatan Peranchang Bandar dan Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 mesti-lah telah men-chapai kelulusan ka-perengkat Sijil Persekolahan Cambridge, S.A.P. atau yang sebanding dengan-nya. Mereka mesti-lah Tukang Pelan yang berseh dan teliti dan, sa-baik2-nya, telah lulus peperiksaan Singapore Institute of Architects' Draughtsman. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman praktikal.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 tidak lewat dari 11hb. Februari, 1974.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari Polis Diraja Brunei di hadapan Dewan Majlis sa-jurus sa-belum baginda merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Meshuarat Negeri (Belanjawan) yang telah di-adakan pada hari Khamis lepas.

Penuntut2 sekolah jangan terpengaruh oleh anasir2 mengkhianati negara

(Dari muka 1)

song di-Dewan Majlis pada hari Khamis lalu.

Duli Yang Maha Mulia bersukor kerana dengan limpah kurnia Allah Subhanahu-Wataala Negeri Brunei telah dapat mengurak langkah berkembang maju dan telah menchapai beberapa kejayaan dalam bidang2 tertentu.

Baginda sukachita mengetahui bahawa raayat di-negeri ini telah tampil untuk menyertai dan menyahut seruan Kerajaan dalam menjayakan Rancangan Kemajuan Negara seperti yang di-titahkan Baginda pada tahun lalu.

"Penyertaan raayat pada Rancangan Kerajaan Beta yang berfaedah akan tidak shak lagi dapat memperhitungkan maju mundur-nya semangat dan hasrat bersama untuk hidup penoh dengan kema'moran dan kesejahteraan dalam dunia moden ini", titah Baginda.

Baginda bertitah, Kerajaan senentiasa sadar, kebahagiaan dan kema'moran raayat serta negara ada-lah bergantung kepada keselamatan dan ketenteraman negeri.

Dengan sebab itu, titah Baginda, Kerajaan akan terus berusaha untuk memperbaiki lagi persahabatan antara Kerajaan Baginda dengan Kerajaan Baginda Queen yang pada masa ini berjalan dengan baik dan teratur.

Menyedari penting-nya keselamatan dan kesejahteraan negeri ini, Duli Yang Maha Mulia bertitah, Kerajaan Baginda akan menubuhkan sebuah lagi battalion Askar Melayu Diraja Brunei yang akan di-tempatkan di-Daerah Tutong.

Usaha ini di-buat ia-lah untuk mempesatkan kehidupan raayat dan penduduk negeri ini bagi membolehkan mereka hidup dalam keadaan aman damai, penoh kesejahteraan dan kema'moran.

Kapada raayat dan penduduk negeri ini, termasuk pemuda pemudi yang maseh bersekolah, Baginda mengingatkan supaya menjauhkan diri dari di-pengaruhi oleh anasir2 yang mengkhianati negeri ini.

Baginda telah mengucapkan terima kasih kepada pasukan Askar Melayu Diraja Brunei serta angkatan bersenjata Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen yang telah berusaha berganding bahu bagi mempertahankan ketenteraman dalam negeri. (Titah sa-penoh Duli Yang Maha Mulia di-siarkan di-muka 4).

Terdahulu sa-belum itu Duli Yang Maha Mulia telah memeriksa dan membalas tabek kehormatan yang terdiri dari pasukan Polis Diraja di-ha-

dapan Dewan Majlis.

Turut hadir di-upacara tersebut ia-lah Tuan Yang Terutama Pemangku Pesuruhjaya Tinggi D.Y.M.M. Baginda Queen di-Brunei, Awang J.W. Moffatt; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himamah Wal-Waqar Muda Muhammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir2; Yang Amat Mulia Cheteria2, ahli2 Yang Berhormat Majlis Meshuarat Diraja; ahli2 Majlis Meshuarat Tetap dan ahli2 Majlis Meshuarat Mengangkat Raja.

Kekurangan guru2 Ugama

(Dari muka 8)

ini, Yang Berhormat itu menerangkan bahawa Brunei maseh lagi kekurangan guru2 Ugama, yang terlatah dan perkara ini membayangkan pengambilan untuk berlatah dua tiga kali ganda dari yang diterima pada masa ini, ada-lah menimbulkan beberapa masalah.

Di-antara masalah2 itu termasuk-lah dengan pengambilan guru2 sa-chara berkontrek dan pengambilan guru2 pelatah.

Pengetua Maktab Perguruan

Ugama Seri Begawan, Awang Haji Othman bin Bidin, dalam ucapan-nya di-majlis itu, antara lain menasehatkan penuntut2 supaya lebeh giat lagi menuntut ilmu pengetahuan, dan menchari jalan untuk menyelesaikan masalah2 mereka, sa-sama mereka sendiri.

Dengan berbuat demikian, kata Awang Haji Othman, mereka nanti akan dapat seterusnya melaksanakan sikap yang sama, sesudah mereka mengajar di-sekolah2 ugama, di-mana beraneka ragam masalah akan mereka hadapi.

Hadih2 Pelajaran kapada penuntut2 yang berjaya telah disampaikan oleh Datin Hajjah Dayang Siti Hara, isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awg. Haji Mohammad Jamil Al-Sufri.

Perhatian utk 1974

(Dari muka 1)

ka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat ka-majlis dan atas titah Baginda dari Singgahsana yang di-junjong dengan sepenoh2-nya.

Usol itu di-bawakan oleh Pmk. Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Ini di-ikuti meluluskan satu Rang Undang2 Perbekalan 1974 yang membolehkan Kerajaan mengeluarkan wang lebeh \$273 juta ia-itu peruntokan yang terbesar sekali berbanding dari tahun2 lalu.

Sa-panjang tahun 1974 perhatian akan di-tumpukan dalam menyelesaikan rancangan2 perkhidmatan mustahak dan rancangan2 itu akan bertambah pesat lagi dengan bertambah-nya pelaksanaan perkembangan2 di-bawah Rancangan Kemajuan Negara Lima tahun yang baru.

Dalam peruntukan perbekalan bagi perkhidmatan tahun 1974 itu sa-banyak 45 tajok telah di-binchangkan yang menunjukkan Askar Melayu Diraja Brunei telah menerima peruntokan lebeh \$59 juta.

Ini di-ikuti oleh Jabatan Pelajaran dengan peruntokan lebeh \$32 juta; Kerja Raya dan Perkhidmatan2 Rampaian lebeh \$21 juta, Polis dan Perubatan lebeh \$12 juta dan Jabatan Hal Ehwal Ugama lebeh \$9 juta.

Pegawai Kewangan Negara Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan Rang Undang2 Perbekalan tersebut menerangkan tahun hadapan merupakan satu kemajuan lagi akan di-chapai oleh Brunei dengan ada-nya beberapa projek2 yang sedang di-usahakan sekarang. (Ucapan penoh-nya sila lihat di-muka 2)

Majlis itu juga meluluskan Rang Undang2 Maklumat Pekerjaan, Rang Undang2 Nama Penchehagan Penggunaan yang salah 1967 dan Rang Undang2 Perbekalan Tambahan lebeh sa-juta ringgit 1973 telah di-luluskan.

Soalan2 mulut ka-atas beberapa perkara dan ucapan2 penanggahan juga telah di-adakan.

Sidang yang berialan sa-lama dua hari itu telah di-nimbin oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae Wal-Mashuarah Muda Hj. Mohamed Alam selaku Yang Teramat Mulia Pengiran Speaker Dewan.

Turut hadir di-sidang itu ia-lah Awang Judin bin Asar Juru Tulis Majlis2 Meshuarat.